



SIARAN AKHBAR JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN

1. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) sukacita memaklumkan bahawa bermula pada **hari Khamis, 14hb., Jamadilawal 1444., bersamaan 08hb Disember 2022**, kaunter-kaunter perkhidmatan pendaftaran dan pengambilan Kad-Kad Pengenalan adalah dikemaskinikan seperti berikut :
 - 1.1 Bagi Daerah Brunei-Muara dan Daerah Belait, kaunter-kaunter perkhidmatan pendaftaran dan pengambilan khusus bagi Kad Pengenalan **HIJAU** akan **berpindah secara sementara seperti berikut;**
 - 1.1.1 **Bagi Daerah Brunei dan Muara**
Di Dewan Pengiran Lela Cheteria, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Jalan Menteri Besar.
 - 1.1.2 **Bagi Daerah Belait**
Dewan Bandaran, Kuala Belait, Daerah Belait.
 - 1.2 Manakala bagi Daerah Tutong, kaunter-kaunter perkhidmatan pendaftaran dan pengambilan bagi Kad Pengenalan **Kuning, Ungu dan Hijau** akan **berpindah secara sementara di Dewan Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, Daerah Tutong.**
 - 1.3 Bagi pendaftaran Kad Pengenalan Kuning dan Ungu bagi Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait adalah masih dikekalkan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Pejabat Cawangan JIPK di Daerah Belait.
2. Pemindahan sementara ini adalah bertujuan untuk mengatasi jumlah nombor yang terhad disebabkan oleh jumlah orang ramai yang mendaftar melebihi had kapasiti yang dapat diberikan di ibu pejabat dan pejabat-pejabat cawangan.



3. Dalam hubungan ini, sukacita JPK memohonkan kerjasama orang ramai yang akan hadir ke tempat-tempat pendaftaran dan pengambilan kad-kad pengenalan ini untuk mematuhi waktu-waktu operasi pembukaan kaunter-kaunter pendaftaran dan pengambilan kad-kad pengenalan sepertimana yang ditetapkan dan tidak perlu untuk datang terlalu awal.
4. Waktu-waktu beroperasi kaunter-kaunter perkhidmatan pendaftaran dan pengambilan kad-kad pengenalan adalah seperti berikut :

Tempat	Jam Beroperasi	Penerimaan Pendaftaran
Bahagian Kad Pengenalan, Ibu Pejabat JPK (Kuning dan Ungu) Dewan Pengiran Lela Cheteria, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Jalan Menteri Besar (Hijau)	Isnin hingga Khamis dan Sabtu: 7.45 pagi - 4.00 petang Jumaat: 8.00 pagi - 11.00 pagi	Ibu Pejabat JPK (Aplikasi Que-Up bagi Kad Pengenalan Berwarna Kuning dan Unggu atau secara Walk-In) Dewan Pengiran Lela Cheteria, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Jalan Menteri Besar (Secara Walk-In)
Pejabat Cawangan Kuala Belait (Kuning dan Ungu) Dewan Bandaran, Kuala Belait (Hijau)	Isnin hingga Khamis dan Sabtu: 8.00 pagi - 3:30 petang Jumaat: 8.00 pagi - 11.00 pagi	Secara Walk-In
Dewan Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong (Kuning, Unggu dan Hijau)	Isnin hingga Khamis dan Sabtu: 8.00 pagi - 11.30 pagi 1.45 petang - 3.30 petang Jumaat: 8.00 pagi - 11.00 pagi	Secara Walk-In



Pejabat Cawangan JIPK di Daerah Temburong (Kuning, Unggu dan Hijau)	Isnin hingga Khamis dan Sabtu: 8.00 pagi - 11.30 pagi 1.45 petang - 3.30 petang Jumaat: 8.00 pagi - 11.00 pagi	Secara Walk-In
---	---	----------------

- Orang ramai hendaklah melengkapkan borang Pendaftaran yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang JIPK www.immigration.gov.bn dan menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan sebelum mendapatkan nombor-nombor giliran masing-masing.
- Untuk sebarang maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui emel info@immigration.gov.bn atau talian seperti berikut semasa waktu bekerja;

Ibu Pejabat	7299550 (WhatsApp)
Cawangan Kuala Belait	7299597 (WhatsApp)
Cawangan Tutong	4221251
Cawangan Temburong	7299586 (WhatsApp)

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Tarikh : 13 Jamadilawal 1444H / 7 Disember 2022

Rujukan : IMM/PPA/PRO/13/Pt2



**Dewan Pengiran Lela Cheteria,
Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Jalan Menteri Besar**



Kaunter Pendaftaran





Pengambilan Kad Pengenalan



Holding Area





Dewan Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, Pekan Tutong, Daerah Tutong



Kaunter Pendaftaran dan Menunggu





Holding Area





Dewan Bandaran, Kuala Belait, Daerah Belait



Kaunter Pendaftaran dan Menunggu



